

Lima hari 9 juta layari portal SPA9

Putrajaya: Portal Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA9) menerima hampir sembilan juta pengunjung dan kira-kira 200,000 pendaftaran daripada pemohon kerja dalam tempoh lima hari selepas prapelancarannya pada 28 September lalu.

SPA9 adalah borang pendaftaran permohonan pekerjaan dalam talian yang menggantikan Borang Pendaftaran Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam (SPA8i) dengan beberapa penambahbaikan dilakukan.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Zainal Rahim Seman berkata, pemohon melalui SPA9 boleh memohon pekerjaan dalam perkhidmatan awam persekutuan dan empat negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Perlis serta Pulau Pinang.

"SPA9 menyediakan kemudahan padanan pekerjaan bagi mengenal pasti skim jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan pemohon," katanya ketika berucap merasmikan SPA9 di sini, semalam.

Katanya, berkonsepkan ciri keselamatan dan kerahsiaan



ZAINAL Rahim ditemu bual pemberita selepas melancarkan Sistem Pendaftaran Pekerjaan SPA 9 (SPA9), semalam.

maklumat, kini proses semakan kelayakan, permohonan jawatan serta tapisan melalui SPA9 menjadi lebih mudah serta mesra pengguna.

"Jaminan data yang lebih berintegriti dan telus diperolehi melalui perkongsian data pintar dengan pelbagai agensi kerajaan yang terabit," katanya yang memberi contoh maklumat seperti akademik, pengesahan pengiktirafan kelayakan aka-

demik, kewarganegaraan dan lesen memandu adalah secara automatik yang dijana terus daripada sistem yang diintegrasikan dengan pelbagai agensi.

"Bagi pemohon jawatan pemandu kenderaan kerajaan, status pemilikan lesen memandu boleh disemak dengan Jabatan Pengangkutan Jalan manakala maklumat kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pemohon

akan disemak dengan Majlis Peperiksaan Malaysia. Maklumat mengenai keputusan peperiksaan akan disemak dengan Lembaga Peperiksaan," katanya.

Zainal Rahim ketika ditanya mengenai bilangan kekosongan dalam sektor awam setiap tahun berkata, dianggarkan terdapat 13,000 sehingga 15,000 kekosongan bagi jawatan tetap dan jawatan kontrak. – Bernama